



## Peraduan Keju-Tan Beli dan Menang Terma dan Syarat

<b>Penganjur</b>	Campbell Soup Southeast Asia Sdn. Bhd. 199501010666 (339867-V)
<b>Peraduan</b>	<b>Peraduan Keju-Tan Beli dan Menang</b>
<b>Tempoh Peraduan</b>	Peraduan ini bermula jam 00:00:00 pada 01 November 2022 dan ditutup jam 23:59:59 pada 31 Disember 2022.
<b>Kelayakan</b>	Peraduan ini terbuka kepada semua individu yang bermastautin secara sah di Malaysia dan Warganegara Malaysia yang berusia lapan belas [18] tahun dan ke atas pada 01 November 2022.

Golongan berikut tidak layak menyertai Peraduan ini:

- Pekerja-pekerja pihak Penganjur dan kumpulan syarikatnya dan ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak, ibu bapa, adik beradik, dan pasangan mereka).
- Pekerja-pekerja agensi Penganjur yang berkaitan dengan Peraduan dan keluarga terdekat mereka (pasangan, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan pasangan mereka).

### **Kaedah Penyertaan**      **Penyertaan Melalui Aplikasi WhatsApp**

- Beli minimum **dua (2) pek Kimball Keju 1KG** ("Produk Turut Serta Kimball ") di dalam satu resit ("Bukti Pembelian") yang dikeluarkan oleh mana-mana kedai (luar talian atau platform dalam talian) semasa Tempoh Peraduan.
- Hantarkan maklumat yang berikut melalui aplikasi WhatsApp ke **011-5688 1612**:
  - Gambar resit/bukti pembelian yang jelas
  - Nama penuh
  - Nombor MyKad/ MyPR
  - Jawapan yang betul

**Soalan Peraduan:** Adakah Kimball Keju 1KG merupakan salah satu produk dari Kimball? (Betul/Salah)

(e.g., Gambar resit, 881108-10-5677, Daniel Bin Awang , Betul/Salah)

- Nombor bersiri akan diberikan kepada setiap Penyertaan sah yang memenuhi syarat pembelian, maklumat peribadi, jawapan betul yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur semasa Tempoh Peraduan.

Untuk **setiap dua (2) pek Kimball Keju 1KG** ("Produk Turut Serta Kimball ") yang dibeli dalam satu Bukti Pembelian daripada mana-mana kedai atau platform dalam talian yang mengambil bahagian, satu (01) nombor bersiri akan diperuntukkan kepada Penyertaan. Sebagai contoh ;

- a) Satu Bukti Pembelian dengan pembelian **empat (4) pek Kimball Keju 1KG** Produk Turut Serta Kimball, dua (02) nombor bersiri akan diperuntukkan.
  - b) Satu Bukti Pembelian dengan pembelian **lapan (8) pek Kimball Keju 1KG** Produk Turut Serta Kimball, empat (04) nombor bersiri akan diperuntukkan.
4. Tiada had jumlah penyertaan dengan pembelian yang sah sepanjang Tempoh Peraduan.
  5. Setiap satu Bukti Pembelian hanya layak untuk satu (1) penyertaan sahaja. Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang penyertaan dengan Bukti Pembelian duplikasi.
  6. Pihak Penganjur tidak akan menerima sebarang perubahan pada Bukti Pembelian dalam apa juga bentuk. Resit bertulisan tangan, Pesanan Pembelian dan/atau Nota Penghantaran tidak akan diterima sebagai Bukti Pembelian.
  7. Walaubagaimanapun, merujuk perkara diatas, setelah menerima Penyertaan dan / atau pemilihan pemenang, mengikut mana yang berkenaan, Pihak Penganjur berhak untuk meminta bukti lanjut dalam memproses Penyertaan termasuk Bukti Pembelian Asal (Salinan Cetak Asal) dan dokumen pengenalan untuk pengesahan sebelum penghantaran Hadiah. Kegagalan mengemukakan mana-mana dokumen tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pelucutan Hadiah.
  8. Simpan Resit atau Bukti Pembelian asal untuk tujuan pengesahan.

**Tarikh Akhir  
Penyertaan**

Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum 23:59:59 pada 31 Disember 2022.

**Perincian Pengadilan**

**Pengesahan Penyertaan**

1. Bukti Pembelian Asal yang jelas menunjukkan Produk, Harga, Nombor Resit, Tarikh Pembelian yang Sah dan Nama Kedai.
2. Semua butiran peribadi yang diperlukan
3. Jawapan yang Betul.
4. Tiada duplikasi Bukti Pembelian.
5. Tiada perubahan Bukti Pembelian di dalam apa-apa jua bentuk.
6. Bukti Pembelian Tulisan Tangan, Pesanan Pembelian, Nota Penghantaran dan resit e-dagang tidak akan diterima sebagai Bukti Pembelian.

**Pemilihan Pemenang Yang Disenarai Pendek :**

Setiap peserta, hanya boleh memenangi satu **(01)** hadiah sepanjang Tempoh Peraduan ;

- satu (01) Hadiah Utama, *atau*
- satu (01) Hadiah Kedua, *atau*
- satu (01) Hadiah Saguhati.

Pihak Penganjur akan menghubungi semua para pemenang yang disenarai pendek melalui aplikasi WhatsApp ke nombor yang diberi melalui Penyertaan .

Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang yang disenarai pendek tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab. Pemenang lain akan dipilih jika lebih daripada 5 panggilan tidak dijawab atau melebihi tempoh masa yang ditetapkan untuk pengesahan.

**Hadiah Utama : 1 x Baucar Membeli-belah pilihan anda bernilai RM2,000**

Terdapat satu [1] Baucar Membeli-belah bernilai RM2,000 yang akan dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.

Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang Hadiah Utama, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur sepanjang Tempoh Peraduan [masing-masing "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"] . Satu set nombor siri akan diperuntukkan untuk Penyertaan bermula dari nombor bersiri "1".

Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak"]. Dengan mengandaikan jumlah Penyertaan Layak yang diterima sepanjang Tempoh Peraduan adalah 5280 , Penganjur akan mengira dan memilih pemenang yang disenarai pendek berdasarkan contoh berikut :

$$5,280 \div 2 = \underline{2640^*}$$

Penyertaan yang disenarai pendek untuk Hadiah Utama adalah penyertaan nombor bersiri **ke-2640\***.

Seramai **1 PEMENANG** akan dipilih akan dipilih sepanjang Tempoh Peraduan.

Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan, nombor itu akan dibundarkan ke nombor digit tunggal ke bawah yang terdekat.

**Hadiah Kedua : 3 x Baucer Membeli-belah pilihan anda bernilai RM500.**

Terdapat tiga [3] Baucer Membeli-belah bernilai RM500 yang akan dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.

Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang Hadiah Kedua, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi Penyertaan Layak sepanjang Tempoh Peraduan [masing-masing adalah "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1".

Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak"] dan penolakan Penyertaan Pemenang Hadiah Utama. Dengan mengandaikan jumlah Penyertaan Layak yang diterima sepanjang Tempoh Peraduan adalah 5280, Penganjur akan mengira dan memilih pemenang yang disenarai pendek berdasarkan contoh berikut :

Dengan andaian penyertaan Pemenang Hadiah Utama = 15\* penyertaan  
 $5,280 - *15 = 5265 \div 3 = \underline{1755*}$

Pemenang Hadiah Kedua yang disenarai pendek ialah kemasukan nombor bersiri ke-1755\* dan nombor siri berikutnya dengan penggandaan 1755. Contoh penyertaan nombor bersiri yang akan dipilih sebagai pemenang; 1755\*, 3510\*, dan 5265\*.

Seramai **3 PEMENANG** akan dipilih sepanjang Tempoh Peraduan.

Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan, nombor itu akan dibundarkan ke nombor digit tunggal ke bawah yang terdekat.

#### **Hadiah Segauhati: 10 x Produk-produk Kimball bernilai RM150**

Terdapat sepuluh [10] Produk-produk Kimball bernilai RM150 untuk dimenangi Tempoh Peraduan.

Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang Hadiah Segauhati, Penganjur akan memperuntukkan nombor siri untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur sepanjang Tempoh Peraduan [masing-masing "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"]. Satu set nombor siri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1".

Setiap nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan ditabulasi dan ditambah untuk memperoleh jumlah keseluruhan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak"] dan penolakan Penyertaan Pemenang Hadiah Utama dan Kedua. Dengan mengandaikan Jumlah Penyertaan Layak yang diterima untuk sepanjang Tempoh Peraduan adalah 2000 Penganjur akan mengira dan memilih pemenang yang disenarai pendek berdasarkan contoh berikut:

Dengan mengandai penyertaan Hadiah Utama dan Kedua penyertaan =75\*

$2000 - *75 = 1925 \div 10 = \underline{192.5*}$

Pemenang Hadiah Saguhati yang disenarai pendek ialah kemasukan nombor bersiri ke-192\* dan nombor siri berikutnya dengan penggandaan 192. Contoh penyertaan nombor bersiri yang akan dipilih sebagai pemenang; 192\*, 384\*, 576\*,768\*, 960\*, 1152\*, 1344\*, 1536\* dan seterusnya.

Seramai **10 PEMENANG** akan dipilih sepanjang Tempoh Peraduan.

Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan, nombor itu akan dibundarkan ke nombor digit tunggal ke bawah yang terdekat.

#### **Pengumuman Pemenang**

Senarai para pemenang juga akan diumumkan di laman social Penganjur di <https://www.facebook.com/KimballMalaysia>

Pihak Penganjur berhak untuk meminta bukti lanjut dalam memproses Penyertaan termasuk Bukti Pembelian Asal (Salinan Cetak Asal) dan dokumen pengenalan untuk pengesahan sebelum penghantaran Hadiah. Kegagalan mengemukakan mana-mana dokumen tersebut akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pelucutan Hadiah.

#### **Hadiah**

##### **Hadiah Utama**

1 x Baucer Membeli-belah pilihan anda bernilai RM2,000

##### **Hadiah Kedua**

3 x Baucer Membeli-belah pilihan anda bernilai RM500

##### **Hadiah Saguhati**

10 x Produk-produk Kimball bernilai RM150

#### **Tarikh Tuntutan/Serahan Hadiah**

1. Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun.
2. Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.
3. Hadiah akan diproses untuk penghantaran atau kutipan selepas 30 hari bekerja dari tarikh Pengumuman Pemenang Peraduan. Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa dan kaedah pemenuhan yang dinyatakan di bawah klausa ini mengikut budi bicara Penganjur.
4. Penganjur mempunyai hak untuk menggantikan sebarang hadiah dengan nilai yang sama pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.
5. Hadiah mesti dituntut dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh surat atau pengumuman atau notis tuntutan hadiah yang mana lebih awal .

6. Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.
7. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

**Jadual Syarat Kemasukan** mesti dibaca bersama dengan **Syarat Kemasukan**, yang diambil kira secara kolektif sebagai “Terma dan Syarat”, dan akan mengikat semua peserta (ibu bapa/penjagah sah peserta, sekiranya peserta bawah umur) yang mengambil bahagian dalam Promosi ini (selanjutnya dirujuk sebagai “Peserta, “Anda”, “anda”).

## **Syarat Penyertaan**

### **1. Pengenalan**

1.1 Syarat Penyertaan harus dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Setakat terdapat ketidakkonsistenan antara Syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual untuk Syarat Penyertaan akan digunakan. Syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan akan secara kolektif dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”. Setiap istilah dihuruf besarkan yang tidak didefinisikan di sini akan memiliki maksud yang diberikan kepada istilah tersebut dalam Jadual Syarat Penyertaan. Istilah yang didefinisikan akan digunakan secara tunggal atau jamak mengikut kesesuaiannya.

1.2 Pihak Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlakinya, tanpa notis awal, dan tanpa sebarang liabiliti kepada mana-mana pihak, mengubah Terma dan Syarat pada bila-bila masa termasuk mengubah Tempoh Promosi, mengganti Hadiah, membatalkan, menghentikan atau menggantung Promosi secara menyeluruh atau sebahagian. Sekiranya terdapat perubahan pada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa penyertaan berterusan mereka dalam promosi ini akan dianggap sebagai penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (seperti yang diubah).

1.3 Keputusan pihak Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi termasuk penghakiman dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan konklusif kepada semua Peserta, dan tiada surat-menyurat atau rayuan akan dilayan

### **2. Penyertaan Promosi**

2.1 Dengan menghantar Penyertaan untuk Promosi, Peserta dianggap telah memahami dan setuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat.

2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang timbul dan/atau dari penyertaan Promosi, termasuk dan tidak terhad kepada, telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas (SMS), pos dan semua caj lain dan perbelanjaan sendiri yang mungkin ditanggung oleh Peserta semasa atau dalam hubungan dengan promosi akan ditanggung oleh

Peserta.

2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukan bukti penerimaan, dan Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab untuk sebarang kelewatan, kehilangan, kerosakan dan/atau tiada menerima penyerahan. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab atas sebarang kesalahan, pengecualian, gangguan, penghapusan, kecacatan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau pemusnahan, akses yang tidak dibenarkan, atau perubahan, komunikasi pengguna atau anggota, atau sebarang masalah atau kerosakan teknikal rangkaian atau talian telekomunikasi kami, sistem dalam talian komputer, pelayan atau pembekal, peralatan komputer, perisian, kegagalan e-mel atau pemain kerana masalah teknikal atau kesesakan trafik di Internet.

#### 2.4 Kelayakan

2.5 Seperti umur kelayakan yang ditetapkan dalam Jadual Syarat Promosi dan dengan menghantar maklumat peribadi yang diperlukan.

2.6 Pihak Penganjur mungkin memerlukan peserta memberi bukti kelayakan untuk menyertai Promosi termasuk dan tidak terhad kepada, dokumen pengenalan diri

### 3. Ketidaklayakan

3.1 Kumpulan orang berikut adalah tidak layak untuk menyertai Promosi ini:

- (a) Kakitangan pihak Penganjur dan kumpulan syarikatnya serta ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan pasangan mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Promosi dan keluarga terdekat mereka (pasangan, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan pasangan mereka).

### 4. Pembatalan Kelayakan

4.1 Penyertaan berikut akan dibatalkan:

- (a) Tidak jelas, tidak lengkap, duplikasi, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
- (b) Penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, undang-undang dan/atau peraturan yang berkenaan.

4.2 Selain itu, Pihak penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- (a) Menjejaskan, cuba atau telah menjejaskan operasi Promosi dengan cara pemalsuan, penipuan atau ketidakjujuran; dan/atau
- (b) Tidak layak atau tidak dapat memberi bukti kelayakan untuk menyertai Promosi untuk pengesahan oleh pihak Penganjur apabila diminta.

4.3 Sekiranya Peserta hilang kelayakan selepas Hadiah diberikan, Pihak Penganjur berhak untuk menuntut pengembalian hadiah atau pembayaran nilainya daripada peserta yang dibatalkan Kelayakan.

## **5. Hadiah**

5.1 Pihak Penganjur, ejen, penaja dan wakil tidak akan bertanggungjawab terhadap Peserta yang ingkar menerima Hadiah mengikut Tarikh Tuntutan/Penghantaran Hadiah dalam apa jua keadaan. Pihak Penganjur berhak menentu cara menangani hadiah yang tidak dituntut.

5.2 Hadiah tidak boleh dipindah milik, diserahkan, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam bentuk atau cara lain selain daripada yang telah ditentukan oleh Pihak Penganjur

5.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara spesifik dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan dengan Hadiah adalah tanggungjawab Pemenang.

5.4 Semua Hadiah mesti diambil mengikut terma dan syarat pihak Penganjur, ejen, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

5.5 Hadiah akan diberi berdasarkan “seperti sedia ada”. Hadiah hendaklah digunakan/ diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan pihak Penganjur akan terkecuali daripada semua jaminan dan liabiliti yang berkaitan dengan Hadiah setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.

5.6 Di mananya Peserta berumur 18 tahun ke bawah dan diisytiharkan sebagai Pemenang, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang pemenuhan Hadiah.

## **6. Publisiti**

Pihak penganjur boleh menggunakan penyertaan Peserta termasuk dan tidak terhad kepada, foto, lukisan, teks, dan apa-apa kandungan atau maklumat lain yang dihantar untuk tujuan Promosi (secara kolektif “Bahan”, dan nama Peserta, dan/atau kesamaan, untuk iklan, publisiti, dan promosi barang atau perkhimatan Penganjur, untuk masa yang tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam apa-apa media. Peserta hendaklah melakukan semua yang perlu untuk membolehkan ini sekiranya diminta oleh pihak Penganjur.

## **7. Hak Harta Intelekt**

Peserta bersetuju bahawa semua hak harta intelek dalam mana-mana kandungan dan/atau bahan yang dihantar, dibuat atau dicipta oleh peserta berkaitan dengan promosi dan sebarang karya yang timbul daripadanya akan diletak hak, dipegang dan dimiliki oleh Pihak Penganjur. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk mengguna and mengubahsuai bahan atau karya sedemikian dengan cara yang difikirkan sesuai tanpa pampasan kepada peserta dan peserta mengetepikan semua hak yang dimilikinya dalam bahan atau karya tersebut.

## **8. Pampasan**



Setiap Peserta bersetuju untuk mengganti rugi, melepaskan dan tidak menyalahkan setiap Penganjur, pemegang sahamnya, anak syarikat atau syarikat berkaitan seperti yang ditentukan dalam Akta Syarikat 2016 ("**Campbell Soup Southeast Asia Sdn Bhd**"), pengarah, pegawai, pekerja, ejen, penaja dan/atau wakil dari segala kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan ganti rugi (termasuk ganti rugi khas, tidak langsung dan akibat) yang timbul daripada atau terjadi akibat penyertaan Peserta dalam Promosi, penerimaan hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan dan/atau kesamaan Peserta berkaitan dengan Promosi atau pelanggaran Terma dan Syarat.

## **9. Had Liabiliti**

9.1 Penyertaan Peserta dalam Promosi adalah atas risiko Peserta sendiri.

9.2 Pihak Penganjur, **Campbell Soup Southeast Asia Sdn Bhd**, pengarah, pegawai, pekerja, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta berkenaan dengan apa-apa kehilangan atau kerosakan yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian tidak langsung atau akibat, atau kecederaan peribadi yang dialami oleh peserta yang timbul akibat atau berkaitan dengan penyertaan oleh Peserta di dalam Promosi, serta penebusan dan/atau penggunaan hadiah yang dimenangi.

## **10. Umum**

10.1 Pihak Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakil tidak bertanggungjawab untuk melaksanakan mana-mana kewajipan mereka berkenaan dengan Promosi dan Terma dan Syarat jika mereka tidak dapat melakukannya disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi kepada Peserta dalam apa-apa cara dalam keadaan seperti ini.

10.2 Sebarang nama, tanda dagang atau logo yang digunakan dan atau diterbitkan semula dalam sebarang bahan (termasuk bahan pemasaran dan promosi) yang berkaitan dengan Promosi ini, khususnya berkaitan dengan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Promosi ini dan Penganjur tidak bersekutu, disokong atau ditaja oleh, pemilik yang berkenaan, kecuali diberitahu sebaliknya, dan pemilik tersebut bukan sebahagian daripada kumpulan syarikat Penganjur.

10.3 Para Peserta tidak berhak untuk memberi hak atau subkontrak mana-mana tanggungjawab di sini. Pihak Penganjur berhak untuk memberikan atau melesenkan keseluruhan atau mana-mana bahagian haknya disini kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang ditentukan oleh pihak Penganjur.

10.4 Ketidaksahan atau ketidaklaksanaan sebarang syarat di sini tidak akan menjejaskan atau menghalang kelanjutan pelaksanaan baki Terma dan Syarat Promosi ini.

10.5 Di mana Terma dan Syarat Promosi disediakan dalam Bahasa Inggeris dan bahasa lain, sekiranya terdapat percanggahan antara Bahasa

Inggeris dengan bahasa lain, versi Bahasa Inggeris akan digunakan dan mengatur dalam semua aspek.

10.6 Terma dan Syarat Promosi hendaklah ditafsir, ditadbir dan diterjemahkan dengan mengikut undang-undang Malaysia.

## **11. Notis Privasi**

11.1 Dengan mengambil bahagian dalam [**Peraduan Keju-Tan Beli dan Menang**], anda bersetuju untuk **Campbell Soup Southeast Asia Sdn Bhd** dan syarikat induknya, anak syarikat atau yang berkaitan seperti yang ditentukan dalam Akta Syarikat 2016 ("**Campbell Soup Southeast Asia Sdn Bhd**") dan penyedia perkhimatan, ejen dan kontraktor yang memberikan sokongan pentadbiran dan perniagaan kepada kami dan bertindak bagi pihak kami (Kuasa Pihak Ketiga) (secara kolektif "penganjur", "kita", "kami" atau "kita") untuk memproses maklumat peribadi anda yang telah disediakan dalam Borang Promosi tujuan [**Peraduan Keju-Tan Beli dan Menang**]. Ini termasuk mendedahkan nama anda kepada masyarakat umum pada masa anda menjadi pemenang peraduan ini atau menyertai acara kami dengan menerbitkan nama, gambar dan maklumat peribadi anda yang lain tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.

11.2 Pihak penganjur juga boleh menggunakan maklumat peribadi anda untuk tujuan menghubungi dan menghantar maklumat atau bahan pemasaran dan promosi kepada anda mengenai produk, perkhimatan, sampel, sebarang promosi, acara atau peraduan yang dianjurkan oleh Pihak Penganjur. Sila nyatakan pilihan anda dalam borang jika anda setuju dengan penggunaan maklumat peribadi anda untuk tujuan ini.

11.3 Sekiranya anda bersetuju untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadi orang yang anda ingin rujuk kepada Pihak Penganjur, anda mengakui bahawa anda telah mendapat persetujuan dari orang itu untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadinya kepada kami dan untuk dihubungi oleh kami.

11.4 Berkenaan individu bawah umur atau individu yang tidak sah dari segi undang-undang untuk memberi kebenaran, anda mengesahkan bahawa mereka telah melantik anda untuk bertindak untuk mereka dan, untuk memberi persetujuan bagi pihak mereka untuk memproses maklumat peribadi mereka bersesuaian dengan notis privasi ini.

11.5 Ada kalanya Pihak Penganjur mungkin akan mengekalkan Kuasa Pihak Ketiga untuk memproses maklumat peribadi anda. Semua Kuasa Pihak Ketiga tersebut terikat secara kontrak untuk mengambil langkah yang munasabah untuk menjaga keselamatan maklumat dan tidak menggunakan maklumat peribadi anda dengan cara lain selain daripada yang dinyatakan di sini.

11.6 Penganjur adalah syarikat global dan maklumat peribadi anda mungkin akan dipindah merentasi sempadan. Pihak Penganjur akan memastikan bahawa negara di mana data anda dipindahkan memiliki undang-undang perlindungan maklumat yang serupa atau setara.

11.7 Setakat yang diizinkan oleh undang-undang berkenaan, anda berhak untuk meminta akses, meminta salinan, meminta untuk megemas kini atau membetulkan maklumat peribadi anda yang dipegang oleh kami.

Semua permintaan tulisan anda atau pertanyaan harus ditujukan kepada:

Kontak: Pegawai Perlindungan Data Peribadi

- Borang Laman Web: [malaysia\\_consumer@campbellsoup.com](mailto:malaysia_consumer@campbellsoup.com); atau
- Hubungi kami: +603- 7787 6228

11.8 Harap maklum bahawa Pihak Penganjur memerlukan maklumat peribadi anda untuk memproses penyertaan anda dalam (**Peraduan Keju-Tan Beli dan Menang**). Kami tidak dapat memproseskan permohonan anda tanpa maklumat tersebut.

11.9 Sekiranya terdapat perbezaan antara Terma & Syarat Peraduan Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan dirujuk.